

Jangan undi parti pembangkang...

— Datuk Mohd Nasir

ORANG Islam di Kelantan diingatkan jangan mengundi parti pembangkang dalam pilihanraya umum akan datang bagi memastikan pembangunan di negeri itu terus berjalan lancar, kata Menteri Tak Bertfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan bangunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji Negeri Selangor di sini, hari ini beliau menegaskan, sekiranya mereka memilih parti pembangkang lagi di negeri itu, akibatnya pembangunan negeri itu akan lebih buruk keadaannya sebagaimana sebelum tahun 1976.

Beliau yang juga Yang Dipertua Berjasa mengingatkan, kalau sekiranya orang Islam di Kelantan memilih parti yang tidak berkuasa diperingkat Pusat akibatnya bukan sahaja pembangunan tetapi seluruh rakyat negeri itu akan menghadapi masa depan yang gelap.

"Perkara ini telah terbukti sebelum tahun 1976 bila Kelantan di perintah oleh PAS dan di negeri Krala India dimana parti yang memerintah negeri itu tidak mem-

KELANG, Sabtu.

punyai kuasa di peringkat Pusat," katanya.

Menyentuh penyeretaan Berjasa dalam pilihanraya umum akan datang beliau berkata, Berjasa tetap akan turut bertanding dalam pilihanraya umum itu meskipun jumlah bilangan kerusi partinya belum dapat dipastikan lagi.

Beliau berkata, Berjasa sehingga ini mempunyai ahli baru kira-kira 15,000 orang dan 30 peratus dari ahli-ahli

PAS menyertai Berjasa sekarang.

Katanya, Berjasa sentiasa membuka pintunya bukan sahaja kepada ahli-ahli PAS tetapi juga kepada semua orang Islam di negara ini kerana perjuangan Berjasa ialah menyatukan umat Islam.

Bagaimanapun, katanya, Berjasa tidak memaksa umat Islam menyertai parti itu sebaliknya menyambut baik sekiranya mereka menyertai mana-mana parti dalam Barisan Nasional.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia